

NO SOALAN : 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA,

PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA HAJI
MOHAMAD IMRAN BIN ABDUL
HAMID (B)
(LUMUT)**

**TARIKH : 27.03.18
(SELASA)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bahawa Majlis Angkatan Tentera telah dimartabatkan sebenar-benarnya dan bukan Pasukan Pengurusan Angkatan Tentera di Kementerian Pertahanan.

129

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sememangnya Majlis Angkatan Tentera telah dimartabatkan melalui peranan dan fungsi penting yang dimainkan sebagai forum tertinggi dalam angkatan tentera yang bertanggungjawab bagi hal ehwal pemerintahan, tata tertib, pentadbiran dan segala perkara lain yang berhubungan dengannya selain perkara yang berhubungan dengan penggunaan angkatan tentera bagi maksud operasi seperti diperuntukkan dalam Perkara 137 Perlembagaan Persekutuan.

Perkara yang sama juga memperuntukkan perihal keanggotaan Majlis Angkatan Tentera yang terdiri daripada pegawai-pegawai tertinggi tentera dan awam, iaitu:

- (i) Menteri Pertahanan sebagai Pengurus;
- (ii) Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan sebagai Setiausaha;
- (iii) Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja;
- (iv) Panglima Angkatan Tentera;
- (v) Panglima Tentera Darat;
- (vi) Panglima Tentera Laut;

- (vii) Panglima Tentera Udara;
- (viii) Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;
- (ix) Ketua Staf Markas Angkatan Tentera Malaysia; dan
- (x) Asisten Ketua Staf Perkhidmatan Anggota.

Namun begitu, terdapat juga perkara yang berada di luar bidang kuasa Majlis Angkatan Tentera dan perlu dirujuk kepada pihak lain yang berkenaan. Misalnya, perkara yang melibatkan aspek kewangan dalam keadaan tertentu hendaklah dirujuk dan mendapat kelulusan Menteri Kewangan dan Kabinet. Hal ini kerana, perbelanjaan Kementerian termasuklah belanja mengurus hendaklah diluluskan oleh Parlimen melalui Rang Undang-Undang Perbekalan sebagaimana yang dinyatakan dalam Perkara 100 Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 137 (2) Perlembagaan Persekutuan menyatakan seperti berikut:

“Fasal (1) berkuat kuasa tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang persekutuan, dan mana-mana undang-undang

itu boleh membuat peruntukan bagi peletakhakan apa-apa fungsi mengenai angkatan tentera pada Majlis Angkatan Tentera."

Perkara 137 (4) Perlembagaan Persekutuan pula menyatakan seperti berikut:

"Majlis Angkatan Tentera boleh bertindak walaupun ada kekosongan dalam keanggotaannya dan, tertakluk kepada Perlembagaan ini dan kepada undang-undang persekutuan, boleh membuat peruntukan bagi semua atau mana-mana perkara yang berikut:

- (a) penyusunan kerjanya dan cara bagaimana fungsinya akan dilaksanakan, dan penyimpanan rekod dan minit;

- (b) tugas dan tanggungjawab anggota Majlis itu masing-masing, termasuk pewakilan mana-mana kuasa atau tugasnya kepada mana-mana anggota Majlis itu;

- (c) rundingan yang diadakan oleh Majlis itu dengan orang selain anggotanya;
- (d) tatacara yang akan diikuti oleh Majlis itu pada menjalankan urusannya (termasuk menetapkan kuorum), melantik, mengikut pilihannya, seorang naib pengurus daripada kalangan anggotanya, dan fungsi naib pengurus;
- (e) apa-apa perkara lain yang difikirkan oleh Majlis itu perlu atau suai manfaat dibuat peruntukan mengenainya untuk melaksanakan fungsinya dengan lebih baik."